essence communications

a wpp company





## Program Pelatih Pengurusan Global BAT

PROGRAM ini merupakan latihan pekerjaan yang dijalankan selama 24 bulan (dua tahun) bagi melatih dan melahirkan pengurus berwibawa untuk berkhidmat dengan syarikat tersebut.

BAT Malaysia menawarkan beberapa peluang pilihan bidang kepada pelatih dalam Program Pelatih Pengurusan Global BAT. Ini termasuklah operasi, pemasaran, sumber manusia, korporat dan pengurusan, undang-undang, kewangan serta teknologi maklumat.

Syarat-syarat yang diperlukan bagi mereka yang ingin menjadi sebahagian daripada BAT Malaysia dan menyertai Program Pelatih Pengurusan Global ialah memiliki keputusan PNGK tidak kurang daripada 3.










KERJASAMA amat penting bagi menyelesaikan setiap tugasan.



PESERTA harus membuat keputusan dengan pantas dan berfikiran secara kritikal.

# Mengintai peluang bekerja

Pertandingan Bring Your Different memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan menyelami dunia perniagaan yang penuh cabaran.

berdasarkan kajian kes perniagaan, tetapi para peserta akhir perlu mengadaptasi pelan perniagaan, idea dan strategi ke dalam pasaran sebenar.

"Di sini, kita dapat lihat usaha para peserta dan sejauh mana mereka memahami pelan perniagaan yang dicadangkan," katanya.

Menurutnya, para peserta diberi kumpulan secara rawak dan bukan mengikut universiti masing-masing.

"Dalam dunia pekerjaan, kita akan bekerja dengan orang yang tidak dikenali. Cara ini membolehkan BAT melatih dan melihat bagaimana peserta bekerjasama dengan sekumpulan orang yang baru mereka kenali," katanya.

Menurut Cheryl, antara kriteria yang diperlukan untuk menyertai pertandingan ini ialah pelajar mesti mempunyai purata nilai gred kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 3.3.

Ini bagi memastikan hanya pelajar cemerlang sahaja menyertai pertandingan dan menjadi sebahagian daripada Program Pelatih Pengurusan Global BAT. Ia juga memberi peluang terbaik kepada pelajar untuk menggilap dan mengetahui kualiti diri mereka yang mungkin sebelum ini tidak terserlah.

Akhirnya, kumpulan yang terdiri daripada Oliver Kau Mun Seng, 22, dari Kolej Universiti Inti, Tan Su Zhen, 19, dan Tan Yee Leng, 21, (Kolej Universiti Taylor) dan Wynlyn Chia Hui Ling, 22, (Universiti Malaya) dinobatkan sebagai pemenang.

Mereka membawa pulang hadiah utama pertandingan berupa wang tunai RM12,000. Mereka juga menyifatkan pertandingan yang dianjurkan oleh BAT ini amat berlainan dengan pertandingan yang pernah mereka sertai sebelum ini.

Menurut Oliver, dia berasa sangat bertuah kerana dapat menyertai pertandingan ini.

"Kami bukan sahaja perlu menyele-

